

SPESIFIKASI TEKNIKAL

**SEBUTHARGA BIL. 7/2023:
PERKHIDMATAN LANGGANAN SISTEM *ENDPOINT SECURITY SOFTWARE***

1. OBJEKTIF

- 1.1 Memberikan perlindungan tambahan ke atas sistem e-mel (Office 365) SME Corp. Malaysia dari serangan siber seperti *malware*, *phishing*, *spam*, dan lain-lain.

2. SKOP PERKHIDMATAN

- 2.1 Membekal lesen dan membuat instalasi sistem *endpoint security software* ke atas tiga ratus dua puluh enam (326) unit lesen E3 Office 365, lima (5) unit lesen E1 Office 365 dan *shared mailbox* Office 365.
- 2.2 Melaksanakan aktiviti penyelenggaraan dan menyediakan laporan dua (2) kali setahun.
- 2.3 Mengadakan latihan teknikal kepada pegawai teknikal.
- 2.4 Menyediakan bantuan teknikal melalui e-mel, panggilan telefon dan secara atas talian.

3. SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN

- 3.1 Kontrak pelantikan adalah bagi tempoh dua belas (12) bulan.
- 3.2 Bayaran dibuat secara berkala mengikut jadual pembayaran selepas perkhidmatan disempurnakan dengan memenuhi keperluan dan kehendak ditetapkan.
- 3.3 Bayaran akan dibuat setelah pihak SME Corp. Malaysia berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan dan setelah menerima Inbois serta dokumen berkaitan daripada pembekal.

4. SYARAT-SYARAT LAIN

- 4.1 Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan yang masih sah laku dalam kod bidang bersesuaian seperti berikut:

210103, 210104, dan 210107

- 4.2 Pemilihan penyebutharga akan dibuat berdasarkan pematuhan kepada semua kriteria yang ditetapkan di jadual pematuhan.

- 4.3 Pihak SME Corp. Malaysia berhak menamatkan kontrak yang diberi kepada pembekal pada bila-bila masa sekiranya pembekal:
- a. Tidak memenuhi Skop Kerja yang telah dipersetujui
 - b. Tidak memenuhi Kualiti dan Spesifikasi Kerja
 - c. Tidak mematuhi Jadual Penghantaran yang ditetapkan
- 4.4 Sekiranya pembekal gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, SME Corp. Malaysia berhak membatalkan pesanan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan *Liquidated & Ascertained Damages (LAD)* berdasarkan formula berikut:

$$(BLR + 1\%) \times (\text{Nilai Kontrak} / 365) \times (\text{bilangan hari lewat})$$

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
1.	LESEN PERISIAN				
1.1	<p>Penyebutharga perlu menyediakan lesen perisian untuk tempoh dua belas (12) bulan yang dapat memberikan perlindungan tambahan ke atas e-mel (<i>Office 365</i>) yang digunakan oleh SME Corp. Malaysia. Perlindungan tambahan berkenaan hendaklah mempunyai fungsi seperti berikut:</p> <p>a) Membuat pemantauan 24/7 ke atas sistem e-mel SME Corp. Malaysia.</p> <p>b) Mempunyai fungsi <i>threat hunting</i> yang berupaya mengesan ancaman dan bertindak ke atas serangan yang dikesan dari menembusi e-mel / rangkaian SME Corp. Malaysia.</p> <p>c) Mengesan, melindungi dan menyekat <i>uniform resource locator</i> (URL) dan dokumen yang mempunyai ancaman.</p> <p>d) Mempunyai sistem yang dapat di akses oleh pegawai teknikal SME Corp. Malaysia untuk melakukan pemantauan aktiviti ancaman dan sekatan yang dilakukan.</p>	<p>i.326 unit lesen E3</p> <p>ii.5 unit lesen E1</p> <p>iii.<i>Shared mailbox</i></p>			

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
2.	PERKHIDMATAN				
2.1	<p>Penyebutharga hendaklah melakukan instalasi perisian berkenaan dan memastikan perisian berfungsi sepertimana cadangan fungsi yang dinyatakan.</p> <p>Instalasi hendaklah dilakukan secara <i>remote installation</i> dan tempoh instalasi hendaklah disempurnakan dalam tempoh sebulan selepas menerima Surat Setuju Terima dari SME Corp. Malaysia.</p>	<p>i. 326 unit lesen E3</p> <p>ii. 5 unit lesen E1</p> <p>iii. <i>Shared mailbox</i></p>			
2.2	<p>Penyebutharga hendaklah melaksanakan aktiviti penyelenggaraan dan menyediakan laporan dua (2) kali setahun.</p>	2 kali			
2.3	<p>Penyebutharga hendaklah mengadakan latihan teknikal kepada pegawai teknikal bagi penggunaan perisian yang disediakan.</p> <p>Bilangan pegawai teknikal : 4 orang</p>	4 orang			
2.4	<p>Penyebutharga perlu menyediakan bantuan teknikal melalui e-mel, panggilan telefon dan secara atas talian.</p> <p>**Penyebutharga hendaklah memberi maklumbalas dalam tempoh tidak melebihi empat (4) jam selepas menerima</p>	1 tahun			

LAMPIRAN A

BIL.	BUTIRAN SKOP PERKHIDMATAN	KUANTITI	SKOP DIPATUHI		MAKLUMAT LANJUT/ CADANGAN (PROPOSAL) *
			YA	TIDAK	
	laporan atau aduan daripada SME Corp. Malaysia.				

* sila nyatakan di ruangan ini untuk maklumat lanjut / tambahan berkaitan tawaran yang dikemukakan atau kemukakan kertas cadangan tambahan jika ruang tidak mencukupi

SILA PASTIKAN SEMUA RUANGAN TELAH DITANDAkan (✓ / x) BESERTA CATATAN SEBAGAI TANDA BAHAWA PENYEBUTHARGA BERSETUJU UNTUK MEMENUHI SPESIFIKASI YANG DINYATAKAN)

NOTA PENTING:

1. Penyebutharga bertanggungjawab untuk memastikan bahawa Penyebutharga berkemampuan melaksanakan perubahan / pindaan yang berkaitan dengan skop kerja berdasarkan arahan SME Corp. Malaysia dari semasa ke semasa. Kegagalan Penyebutharga untuk memenuhi mana-mana skop kerja yang dipersetujui dan ditetapkan akan menjejaskan proses pembayaran kepada Penyebutharga setelah projek selesai.
2. Penyebutharga hanya dibenarkan berurusan dengan pegawai SME Corp. yang bertanggungjawab dengan urusan kerja / peranan Penyebutharga sepanjang tempoh projek. Ini bagi mengelakkan kekeliruan / ketidaktentuan dalam proses menguruskan serta melaksanakan sesuatu perkara / urusan selaras dengan arahan yang diberikan oleh SME Corp. Malaysia.

Saya / Kami memperakui maklumat yang diberikan adalah benar dan bersetuju menyediakan perkhidmatan dinyatakan selaras dengan terma & syarat dalam dokumen Sebutharga Bil. 7/2023.

.....
Nama :
Jawatan :
Tarikh :
Cop Syarikat :